

Ketiadaan wakil Terengganu bukan hukuman

UM 12 DEC 1959

Oleh RADHUAN HUSSAIN

KUALA TERENGGANU 11 Dis. — Ketiadaan wakil Terengganu dalam kabinet bukan satu hukuman atau denda daripada pucuk pimpinan kerana membiarkan Terengganu jatuh ke tangan Pas, kata Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Beliau yakin Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak berniat begitu dan meminta pihak-pihak tertentu jangan mempunyai sangkaan buruk terhadap kepimpinan negara.

"Itu tanggapan orang saja, kita tak boleh tuduh orang lain macam tu (hukuman). Janganlah sangka yang buruk," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas berhubung ketiadaan wakil Terengganu dan juga Kelantan dalam susunan kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri menjelaskan, ketiadaan wakil kedua-dua negeri Pantai Timur itu adalah disebabkan kerusi Dewan Undangan Negara bagi pelantikan senator sudah penuh.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, pihaknya memang memikirkan tentang Terengganu dan Kelantan.

Menurut Perdana Menteri: "Untuk menjadi ahli dalam kerajaan mereka perlu menjadi

yang merupakan adunan muka baru dan lama," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bedah Siasat UMNO negeri, Datuk Abdul Rashid Ngah juga menyokong pandangan Wan Mokhtar sekali gus menolak dakwaan ketiadaan wakil Terengganu dalam kabinet sebagai satu hukuman.

Sebaliknya kata beliau, perkara itu timbul disebabkan tiada kekosongan kerusi Dewan Negara bagi pelantikan senator sepertimana yang dijelaskan Perdana Menteri sendiri.

"Bukan satu hukuman atau denda tetapi ia di sebabkan tidak ada kekosongan semamata," ujarnya.

Abdul Rashid juga amat berharap agar Dr. Mahathir menuaikan janjinya untuk memberi pertimbangan melantik mana-mana wakil Terengganu sebagai 'senator sebelum menjadi anggota kerajaan sebaik sahaja ada kekosongan kerusi Dewan Negara nanti.

"Pelantikan menteri atau timbalan menteri dari sesebuah negeri adalah penting kerana ia boleh menjadi penyambung kepada rakyat," tambahnya.

Beliau sekali lagi mengharapkan supaya rakyat tidak berfikir yang bukan-bukan mengenai ketiadaan wakil Terengganu dalam kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri semalam.

ahli Dewan Negara dan disebabkan tiada kekosongan kita perlu tunggu sehingga ada kekosongan".

Keputusan

Wan Mokhtar seterusnya memberitahu, keputusan sama ada melantik wakil dari Terengganu dan Kelantan dalam kabinet baru sebenarnya bergantung kepada Perdana Menteri yang juga pemimpin BN.

"Saya ingat Perdana Menteri tidak akan membiarkan dua negeri ini iaitu Terengganu dan Kelantan tidak ada wakil dalam kabinet untuk selama-lamanya. Terpulang kepada Dr. Mahathir mengenainya (perkara itu).

"Malah saya menyambut baik susunan kabinet baru sekarang